

Warga USIM meriahkan sambutan Nuzul Quran

AMAL. Seramai 1,500 peserta terdiri daripada pelajar dan kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai Majlis Khatam Perdana anjuran Pusat Islam USIM bersempena Nuzul Quran di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Majlis itu dipimpin oleh pensyarah Fakulti Pengajian

Quran dan Sunah, Ustaz Anuar Hasin yang juga Johan Tilawah Al-Quran Kebangsaan 2013.

Program tersebut turut mendapat kerjasama Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan (NSWO) dan Persatuan Isteri-Isteri Wakil Rakyat Negeri Sembilan (Pekerti).

Isteri kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumuddin turut menyumbangkan 500 buah naskhah Al-Quran bagi kegunaan peserta dalam majlis tersebut.

Turut hadir Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr. Musa Ahmad.



PARA peserta bergambar bersama Musa (empat dari kiri) selepas Majlis Khatam Perdana di Nilai baru-baru ini.